

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Ithnin, 16hb Disember, 1963 pukul 10.00 pagi

No.22

67

Pada Permulaan Urusan Meshuarat
Usul "Urusan"

Timbalan Perdana Menteri akan menhadangkan:

Bahawa, sunggoh pun telah ada sharat-nya dalam Peratoran Meshuarat 12(1), apabila tamat meshuarat pada pukul 1.00 petang ini, Majlis akan di-tanggohkan dan di-sambong sa-mula meshuarat-nya pada pukul 2.30 petang hingga usul bagi bachaan kali yang kedua Rang Undang2 Ferbekalan, 1964, telah di-sokong, manakala Majlis Meshuarat akan di-tanggohkan.

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

*1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah satu daripada sharat2 mengambil kapal2 itu bagi Tentera Laut di-Raja Malaysia oleh Kerajaan ia-lah membaiki kapal2 itu hendak-lah di-jalankan oleh Jabatan Tentera Laut British.

*2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertahanan berapa belanja yang telah di-bayar kepada Jabatan Tentera Laut British bagi membaiki kapal2 Tentera Laut di-Raja Malaysia bagi tahun 1959, 1960, 1961, 1962 dan 1963.

*3. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertahanan berapa bilangan pegawai2 berdagang dan apa pangkat-nya dalam Tentera Laut di-Raja Malaysia.

*4. Enche' V. David bertanya kepada Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Menteri Perdagangan sedar ia-itu perusahaan membuat kasut tempatan menaggong kerugian kerana kasut2 negeri asing tidak di-hadkan di-bawa masuk ka-negeri ini, dan jika sedar boleh-kah tolong terangkan apa chara langkah yang hendak di-ambil oleh Kerajaan.

*5. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan akan menimbangkan di-benarkan Bank of China di-buka di-Kuala Lumpur oleh kerana telah ada pun chawangan-nya di-Singapura.

*6. Enche' V. David bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa banyak perusahaan yang berjalan di-Tanah Melayu dengan modal dari Afrika Selatan.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2
USUL

- | | | |
|----|--|-------------------------|
| 1. | Rang Undang2 Mahkamah2 Pengadilan | Jawatan Kuasa. |
| 2. | Rang Undang2 Peguam2 dan Loyar2 (Pindaan) | Bachaan Kali Yang Kedua |
| 3. | Rang Undang2 Pehak Yang BerkuasaTempatan (Sharat2 Perkhidmatan) | " |
| 4. | Rang Undang2 Majlis Bandaran, Daerah dan Luar Bandar (Lantekan) | " |
| 5. | Rang Undang2 Insuran (Pindaan) | " |
| 6. | Rang Undang2 Lembaga Penasihat Chukai (Pindaan) | " |
| 7. | Rang Undang2 Bil Perbendaharaan (Melanjutkan Lagi) | " |
| 8. | Rang Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan) | " |
| 9. | Rang Undang2 Feriklanan (Pindaan) | " |

- | | |
|---|--------------------------|
| 10. Rang Undang2 Rachun (Pindaan) | Bachaaan Kali Yang Kedua |
| 11. Rang Undang2 Kumpulan Wang Perusahaan
(Menanam Sa-mula)Getah(Pindaan | " |
| *12. Rang Undang2 Perbekalan, 1964 | " |

*(Akan di-bawa pada pukul 2.30 petang)

13. Membathkan lagi Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan (No.3) tahun 1963 (Cmd. 45 tahun 1963) dalam Jawatan Kuasa sa-buah2Majlis (11hb Disember, 1963).

14. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebeh dari pada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puloh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

15. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

16. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara.

17. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kepada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pilih semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilchan Raya.

18. Enche' Lim Huan Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan sa-Kerja, dan menuntut supaya di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersyarat atau di-biharakan dalam Mahkamah Undang2.

Risalat yang di-bawa ka-dalam Meshuarat

1963

Tarikh di-bawa

Cmd. 58 Penyata Tahunan Surohanjaya Perkhidmatan Awam
Persekutuan Tanah Melayu bagi tahun 1960

14hb Disember,
1963.